

Felo Perdana pelapis pemimpin masa depan - PM

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
utusannews@mediamulia.com.rny


PUTRAJAYA: Program Felo Perdana yang memasuki edisi ke-10 tahun ini membuka peluang kepada anak muda menimba ilmu dan pengalaman dalam aspek kepemimpinan dan budaya kerja dalam sektor kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan program itu sebagai platform terbaik dalam memberi ruang kepada para peserta memahami dan menimba pengetahuan berhubung pelaksanaan dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Beliau menjelaskan, peserta program itu juga dipilih khas dalam kalangan anak-anak yang mempunyai prestasi yang cemerlang untuk memperoleh manfaat sebaiknya sebagai persiapan bagi memimpin negara masa hadapan.

“Peserta program ini bukan sahaja dapat mengenali sosok pimpinan negara, tetapi lebih penting hala kerja tradisi dan budaya dalam kerajaan.

“Pendedahan ini memberi ruang lebih kepada mereka untuk memahami dasar-dasar (kerajaan) dan saya percaya dapat menimba pengalaman dan pengetahuan. Itu sangat penting,” katanya ketika berucap menyempurnakan Majlis Pe-



ANWAR Ibrahim menerima Felo, Muhamad Firdaus Ali pada Majlis Penyerahan Felo Perdana, di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

nyerahan Felo Perdana di Bangunan Perdana Putra, di sini semalam.

Seramai 56 orang felo dipilih dan akan memulakan tugas mulai 23 Ogos sehingga 31 Disember depan. Mereka juga telah melalui sesi orientasi bermula pada 20 hingga 22 Ogos lalu di Institut Semarak Felda, Bangi.

Bagi Perdana Menteri sendiri merangkap Menteri Kewangan, beliau menerima felo dari Sekolah Politik dan Sosial Eropah, Perancis dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang Ekonomi dan Perhubungan

Antarabangsa, Dayang Nur Syazwanie Abang Redzuan dan felo dari Shiga University, Jepun jurusan Ijazah Sarjana Ekonomi, Muhamad Firdaus Ali.

Felo Perdana adalah program berbentuk mentor dan latihan industri dengan matlamat melahirkan golongan belia yang dinamik, berdaya saing, mempunyai pengetahuan relevan berkaitan sistem pentadbiran negara.

Ini termasuk untuk bersedia menghadapi cabaran pada masa akan datang selaras dengan aspirasi di bawah kerangka Malaysia Madani.

Melalui program ini, Felo akan mendapat bimbingan dan menimba pengalaman berkhidmat secara terus daripada Ahli Jemaah Menteri dengan nisbah dua orang bagi setiap Ahli Jemaah Menteri dan seorang bagi Ketua Setiausaha Negara (KSN).

Felo yang dipilih perlu melalui proses pemilihan yang teliti dan mengikuti sesi orientasi ditetapkan bagi tujuan pendedahan terutamanya melibatkan tatacara dan peraturan yang perlu dipatuhi oleh seorang pegawai berkhidmat di dalam perkhidmatan awam.